

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 20 JULAI 2020 [ISNIN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- a) berapakah jumlah laporan **penyalahgunaan lesen perniagaan** seperti menjual serta menyewa lesen perniagaan kepada warga asing yang telah diterima oleh Kementerian sepanjang tahun 2019; dan
- b) apakah strategi lain yang akan dilaksanakan bagi memastikan penyalahgunaan lesen ini tidak berulang pada masa akan datang.

JAWAPAN (a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan lesen perniagaan adalah terletak di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) masing-masing. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada PBT, sejumlah 158 laporan penyalahgunaan lesen perniagaan yang direkodkan termasuk kesalahan menjual dan menyewa lesen perniagaan kepada warga asing.

JAWAPAN (b)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PBT telah melaksanakan beberapa strategi bagi memastikan penyalahgunaan lesen perniagaan ini tidak berulang seperti berikut:

- (i) Membatalkan lesen perniagaan di bawah Undang-undang Kecil Bayaran Lesen, 1980 bagi kesalahan tidak mematuhi syarat-syarat pelesenan;
- (ii) Menjalankan tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama Jabatan Imigresen Negeri dan Jabatan / Agensi Penguatkuasaan seperti Jabatan Kesihatan Negeri di kawasan-kawasan *hotspot* yang dikenal pasti sebagai kawasan perniagaan yang dijalankan oleh warga asing;
- (iii) Menguatkuasakan syarat-syarat pelesenan kepada semua pemilik perniagaan iaitu:

NO SOALAN : 11

- (a) Lesen perniagaan yang dikeluarkan tidak boleh diserahkan milik, dijual, disewa, dipajak kecil kepada warganegara asing tanpa kelulusan;
- (b) Menjalankan operasi sitaan barang niaga perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 jika terdapat isu kacau ganggu;
- (c) Tidak membenarkan pekerja warga asing bekerja sebagai pembantu di premis perniagaan melebihi 70% daripada jumlah pekerja. Selain itu, PBT juga melarang pengambilan pekerja atau pembantu warga asing untuk membantu penjaja menjalankan aktiviti penjajaan;
- (d) Mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen;
- (e) Menguatkuasakan larangan menggaji / mengupah warga asing yang tiada permit / visa kerja yang sah; dan
- (f) Memastikan premis perniagaan perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus warganegara tempatan sepanjang masa operasi perniagaan.

Sekian, terima kasih.